



## SIARAN MEDIA

**YAB DATO' SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DAN MENTERI KEMAJUAN DESA & WILAYAH**

### **FELCRA ISYTIHAR KEUNTUNGAN BOLEH AGIH AKHIR PROJEK PESERTA 2022 RM183 JUTA**

Jelebu, 6 April 2023 – Menjelang aidilfitri nanti, hampir 70,000 warga peserta FELCRA menerima berita gembira apabila YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah mengisyiharkan Keuntungan Boleh Agih Akhir Projek Peserta FELCRA Berhad 2022 di sini, malam tadi.

Prestasi bayaran akhir ini dipengaruhi oleh trend harga minyak sawit mentah (MSM), kos input pertanian dan kos tenaga buruh berikutan penguatkuasaan gaji minimum.

Menurut Zahid, jumlah agihan keuntungan tahunan projek-projek peserta FELCRA Berhad 2022 telah meningkat kepada RM 501,556,634.00 berbanding tahun 2021 sebanyak RM 475,207,280.00 iaitu peningkatan sebanyak 5.54% atau RM 26,349,354.00

Selain itu, Zahid memuji Langkah FELCRA Berhad yang terus membantu peserta melalui pelbagai program keusahawanan yang dilihat mampu memberi pendapatan sampingan lumayan kepada mereka.

Pada majlis pengisytiharan yang diadakan dalam majlis Santunan Kasih Ramadan di Simpang Pertang, Jelebu itu, Zahid mengumumkan agihan Keuntungan Boleh Agih Akhir Projek Peserta FELCRA Berhad 2022 sebanyak **RM182,785,208.18** kepada seramai **68,437** orang peserta di seluruh Malaysia yang melibatkan **616 buah projek untung**.

Bayaran bagi keuntungan boleh agih ini akan **dibayar kepada warga peserta secara berperingkat bermula hari ini**.

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

FELCRA Berhad

Tel: 03-4145 5440



[www.felcra.com.my](http://www.felcra.com.my)



[felcraberhad.official](#)



[felcraberhad\\_official](#)



[felcrabhd](#)



[felcraTV](#)